

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 31.10.2022 MASA:4.15pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PELAN STRATEGI
MBSP 2023 - 2030

TARIKH / MASA / TEMPAT
01 NOVEMBER 2022 (SELASA)
9.15 PAGI

THE LIGHT HOTEL
SEBERANG JAYA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam Majlis Perasmian Bengkel Pelan Strategi MBSP 2023 - 2030 di The Light Hotel.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa kerana telah mengambil inisiatif untuk menjadi urus setia untuk bengkel dua (2) hari ini dan juga berusaha menyediakan Pelan Strategi MBSP 2023 – 2030 dan *Corporate Priorities 2023*.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Tujuan kita berbengkel dua hari di sini adalah untuk merangka Pelan Strategi MBSP 2023 - 2030 dan *Corporate Priorities 2023*. Pelan Strategi MBSP 2023 – 2030 merupakan dokumen hala tuju MBSP untuk lapan (8) tahun dan merupakan perancangan atau komitmen MBSP kepada semua

stakeholders (pemegang taruh) di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP. Manakala, Corporate Priorities 2030 adalah merupakan satu dokumen terperinci yang merangka langkah permulaan bagi MBSP untuk mencapai matlamatnya menjelang tahun 2030.

Tujuan bengkel ini adalah untuk kesemua pegawai menjana idea serta memberi pandangan dan cadangan mengenai impian Seberang Perai di masa hadapan menjelang tahun 2030. Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa telah merangka satu Draf Pelan Strategi MBSP 2023-2030 yang akan dijadikan rujukan semasa sesi percambahan perbincangan fikiran dalam bengkel ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pelan Strategi MBSP 2023 - 2030 kali ini adalah merupakan yang kelima setelah yang pertama dilancarkan pada tahun 2001 iaitu pelan Strategi MPSP 2001 - 2010, Blue Print Transformation 2011 - 2015, Pelan Strategi Lima Tahun MPSP 2014 – 2018 dan Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022, Visi MBSP adalah “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi” dengan Misi “menyediakan

perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsive kepada kehendak komuniti Seberang Perai”. Hala tuju MBSP adalah untuk menjadi “Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022”.

Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 mendukung Wawasan Penang 2030, Sustainable Development Goals dan MURNInets dalam merangka dan melaksanakan banyak program dan aktiviti:-

1. *Penang2030* yang merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat untuk menjadikan Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga (*A Family-Focused Green and Smart City*). Wawasan ini terdiri daripada empat (4) objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasakan rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan kerajaan negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.
2. Dasar Nasional *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang menjadi hala tuju utama bagi pembangunan di Seberang Perai.

3. Indikator MURNInets untuk menambahbaik perkhidmatan MBSP kepada masyarakat serta membantu MBSP dalam penyimpanan data dan maklumat.

Dalam halatuju MBSP ke arah menjadi “Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022” banyak kejayaan yang telah dicapai. Seberang Perai telah dapat mengawal tahap pelepasan gas rumah hijau di bawah purata global. Seberang Perai telah berjaya mengawal pelepasan per kapita pada tahun 2021 pada 5.39 tan CO₂eq iaitu di bawah purata global yang mencatatkan jumlah 5.47 tan CO₂eq pada tahun yang sama. Kita juga boleh melihat kejayaan dalam aktiviti kitar semula, *upcycle*, penggunaan lampu jalan LED, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Sirkular Seberang Perai.

Dalam membangunkan sebuah Bandaraya Pintar pula kejayaan MBSP merangkumi pembinaan dan pelaksanaan applikasi *MBSP Pay*, *MBSP QR Bill*, *MBSP Cyber Bill*, *MBSP Cyber Counter*, *MyMBSP*, *Aplikasi Aspire Seberang Perai*, *Penang Smart Parking*; membina Sistem Perakuanan dan Kewangan Bersepadu, *Smart Monitoring System*, *OSC 3.0 Plus*; menubuhkan *MBSP Call Centre*, melaksanakan *Smart Traffic Analytics and Recognition System (STARS)*, *Smart Street Pole*, Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (*SPEEDBiz*), *CCTV*, *Integrated*

Flood and Pumping Monitoring System (INFLOS), dan Fleet Tracking System (Pengurusan Sisa).

Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 bakal tamat pada tahun ini dan kesinambungan Pelan Strategik perlu dirancang dan dirangka bagi menentukan hala tuju MBSP menjelang tahun 2030. Bengkel yang diadakan ini adalah untuk mengenalpasti objektif strategik dan juga KPI yang mendokong misi dan visi tersebut serta menyenaraikan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan dalam jangkamasa lapan (8) tahun. Saya ingin sarankan agar pembangunan sukan, produk-produk pelancongan serta aktiviti rekreasi diambil kira semasa merangka pelan strategi baru ini. Penglibatan setiap pegawai dalam bengkel ini adalah penting dalam membentangkan idea yang akan dapat memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan pelan strategik ini nanti.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pelan Strategik MBSP 2023 – 2030 merupakan satu kesinambungan perancangan dan pembangunan strategik daripada Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022. Satu draf program-program dan aktiviti-aktiviti berserta KPI dan *outcome* bagi setiap Jabatan MBSP telah dirangka

oleh pihak Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa selaras dengan Wawasan *Penang2030*, *Sustainable Development Goals* (SDG) Pelan Tindakan Sirkular Ekonomi Seberang Perai dan juga merujuk kepada MURNInets, aduan-aduan serta maklumbalas yang diterima daripada warga Seberang Perai. Saya berharap dalam bengkel ini, kita dapat menyegerakan penyediaan “*MBSP SDGs Road Map*” dan Pelan Strategi MBSP yang dapat menjadi panduan untuk penyediaan VLR MBSP.

Draf yang disediakan ini akan diperbincangkan dengan lebih terperinci lagi dalam bengkel ini untuk ditambahbaik. Draf pelan strategik ini akan dijadikan rujukan utama dalam merancang strategi dan inisiatif secara sistematik dan bersepadu bagi merialisasikan visi dan misi MBSP bagi tahun 2023 sehingga 2030.

Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan apa juga perancangan serta aspirasi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dengan lebih proaktif, inovatif dan inklusif dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Tumpuan hendaklah diberikan ke arah memperkasakan (*empowerment*) organisasi ini dengan meneruskan amalan budaya mesra pelanggan melalui peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai supaya sentiasa berada di tahap yang cemerlang. Budaya mesra di antara MBSP dengan rakyat perlu diwujudkan supaya mereka berasa selesa ketika berurusan di samping meraih kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan yang kita sediakan.

Selain itu, usaha hendaklah dibuat dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan; dan mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan yang tidak cekap secara beransur-ansur bagi menambah baik prestasi dan seterusnya memperkukuh penyampaian perkhidmatan. Tumpuan hendaklah diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang mengakibatkan pengurangan hasil seperti penjaja dan gerai-gerai haram tanpa lesen meniaga; pembinaan kilang-kilang haram, kemajuan tanah tanpa kebenaran merancang serta pengubahsuaian bangunan serta tambahan haram kepada bangunan; dan bayaran kompaun meletak kenderaan.

MBSP banyak memberi penumpuan kepada Pengurusan Sisa Pepejal dan Peningkatan Seberang Perai sebelum ini. MBSP hendaklah terus

memberikan tumpuan bagi menambahbaik Pengurusan Sisa Pepejal dan meningkatkan keindahan lanskap di Seberang Perai. Dua (2) bidang ini mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam menarik minat penduduk Seberang Perai untuk bekerjasama dengan kita melalui program-program tertentu bagi menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan indah. Secara tidak langsung, Seberang Perai dapat menjadi tumpuan para pelancong.

Penglibatan serta kolaborasi dengan pihak-pihak korporat melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)* perlulah diteruskan dan amat-amat digalakkan untuk pembangunan dan kesejahteraan Seberang Perai. Saya juga menyeru agar kita dapat berusaha untuk memperbanyakkan lagi kerjasama strategik yang mana ianya dapat memberi kebaikan kepada banyak pihak.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pelbagai cabaran telah diharungi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Seberang Perai khususnya dan *stakeholder* secara amnya. Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk

kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya mengharapkan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) sentiasa diamalkan dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas-tugas harian.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz "***Bismillahirrahmanirrahim***" saya dengan ini merasmikan Bengkel Pelan Strategik MBSP 2022 - 2030. Selamat berbengkel kepada semua, moga kita dapat menghasil satu pelan strategik yang mantap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.